



KHN.0042 Jld 2

Januari 2021

YA Hakim-Hakim  
Mahkamah Persekutuan

YA Hakim-Hakim  
Mahkamah Rayuan

YA Hakim-Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman  
Mahkamah Tinggi  
Seluruh Malaysia

Hakim Mahkamah Sesyen  
Mahkamah Sesyen  
Seluruh Malaysia

Majistret  
Mahkamah Majistret  
Seluruh Malaysia

Pegawai Khas/ Pegawai Penyelidik/ Timbalan Pendaftar/  
Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan/Mahkamah Rayuan/  
Mahkamah Tinggi/Mahkamah Rendah Seluruh Malaysia

**ARAHAN AMALAN KETUA HAKIM NEGARA  
BILANGAN 1 TAHUN 2021  
PENGENDALIAN PROSIDING KES SIVIL MELALUI TEKNOLOGI  
KOMUNIKASI JARAK JAUH BAGI MAHKAMAH DI SELURUH  
MALAYSIA**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 17B Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91] dan seksyen 107A Akta Mahkamah Rendah 1948 [Akta 92], saya setelah berunding dengan YAA

Presiden Mahkamah Rayuan, YAA Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya dan YAA Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, mengeluarkan Arahan Amalan ini bagi menetapkan tatacara berhubung dengan pengendalian prosiding kes sivil melalui teknologi komunikasi jarak jauh bagi Mahkamah di seluruh Malaysia seperti yang berikut:

## **PEMAKAIAN ARAHAN AMALAN**

2. Arahan Amalan ini terpakai bagi prosiding kes sivil di semua peringkat Mahkamah di seluruh Malaysia.

## **TAFSIRAN**

3. Dalam Arahan Amalan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"e-Review" ertinya satu platform dalam sistem aplikasi Mahkamah yang digunakan antara Mahkamah dengan pihak-pihak untuk menjalankan pengurusan kes melalui teknologi komunikasi jarak jauh;

"Hakim" ertinya Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan, Hakim Mahkamah Tinggi, Pesuruhjaya Kehakiman, Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret;

"Lokasi Yang Ditetapkan" ertinya lokasi di mana pihak-pihak dalam suatu prosiding perlu berada untuk menggunakan platform

digital bagi pengendalian prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah;

"Mahkamah" ertinya Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret;

"platform digital" ertinya saluran teknologi komunikasi jarak jauh termasuk e-mel, e-Review, aplikasi sidang video atau rangkaian video atau saluran digital lain yang difikirkan sesual oleh Mahkamah;

"teknologi komunikasi jarak jauh" mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Mahkamah Kehakiman 1964, Akta Mahkamah Rendah 1948 dan Akta Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1955.

#### **ARAHAN PENGENDALIAN PROSIDING KES SIVIL MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH**

4. Arahan bagi pengendalian prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh boleh dibuat atas budi bicara Mahkamah atau berdasarkan permohonan bertulis oleh pihak-pihak dalam prosiding berkenaan.
5. Bagi maksud di atas, Mahkamah mempunyai budi bicara penuh di bawah seksyen 15A Akta 91 dan seksyen 101B Akta 92 untuk mengarahkan suatu prosiding untuk dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh demi kepentingan keadilan. Dalam membuat

arahan tersebut, Mahkamah boleh menimbangkan antara lain faktor-faktor yang berikut:

(a) jenis prosiding

(i) jenis prosiding seperti sebutan, pengurusan kes, bicara permohonan, perbicaraan, pendengaran, hujahan, klarifikasi, keputusan, perintah atau penghakiman persetujuan;

(ii) kerumitan sesuatu kes;

(b) tempoh masa prosiding

(i) kesegeraan prosiding;

(ii) tempoh masa atau had masa yang ditetapkan di bawah mana-mana peruntukan undang-undang atau Arahan Amalan yang terpakai mengenainya untuk sesuatu prosiding diselesaikan;

(iii) jangkaan tempoh masa sesuatu prosiding akan selesai;

(iv) jangkaan tempoh masa penyelesaian kes melibatkan permatuhan arahan oleh pihak-pihak untuk pemfailan ikatan dokumen, label, indeks, rujukan silang semua dokumen dan material untuk memudahkan rujukan semasa pengendalian prosiding;

- (v) jangkaan tempoh masa prosiding tersebut perlu ditangguhkan bagi membolehkan kehadiran semua pihak ke Mahkamah dan kemungkinan penangguhan tersebut menyebabkan prejudis kepada mana-mana pihak;
- (c) bagi prosiding yang melibatkan saksi, faktor kesihatan dan keupayaan saksi serta apa-apa hal keadaan lain akan dipertimbangkan oleh Mahkamah;
- (d) mana-mana pihak dalam prosiding adalah diwakili atau tidak diwakili peguam;
- (e) ketersediaan dan kualiti teknologi yang akan digunakan dengan mengambil kira perkasan, perisian serta kelajuan capaian internet yang perlu disediakan;
- (f) mobiliti pihak-pihak untuk menghadiri sesuatu prosiding di Mahkamah. Sebagai contoh, pihak-pihak tidak boleh hadir ke Mahkamah kerana faktor kesihatan, lokasi terlalu jauh, berlakunya bencana alam atau penularan wabak atau penyakit berjangkit sama ada di lokasi pihak-pihak berada atau di lokasi Mahkamah di mana prosiding akan dijalankan, dsb.;
- (g) hak pihak-pihak untuk perbicaraan yang adil tetap terpelihara walaupun prosiding dikendalikan melalui teknologi komunikasi jarak jauh;

- (h) hak pihak-pihak untuk membangkitkan bantahan sebelum arahan ini dibuat; dan
- (i) apa-apa pertimbangan lain yang difikirkan sesuai dan wajar oleh Mahkamah.

6. Mahkamah setelah menimbangkan faktor-faktor di atas hendaklah mengarahkan supaya prosiding dijalankan melalui—

- (a) teknologi komunikasi jarak jauh;
- (b) cara fizikal, atau
- (c) kaedah hibrid yang menggabungkan penggunaan teknologi komunikasi jarak jauh dan juga melalui cara fizikal ("kaedah hibrid").

7. Apabila pihak-pihak diarahkan untuk menjalankan prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh, Mahkamah hendaklah menentukan platform digital dan Lokasi Yang Ditetapkan bagi menjalankan prosiding tersebut. Walau bagaimanapun, tertakluk kepada budi bicara Mahkamah, pihak-pihak boleh mencadangkan platform digital atau Lokasi Yang Ditetapkan yang sesuai untuk menjalankan prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

8. Mahkamah boleh memberikan apa-apa arahan lain yang berhubung dengan pengendalian prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh kepada pihak-pihak.

9. Walau apa pun arahan Mahkamah berhubung dengan pengendalian prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh, Mahkamah boleh mengarahkan sesuatu prosiding yang sedang dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh untuk diteruskan secara fizikal atau melalui kaedah hibrid.

#### **TATACARA PENGENDALIAN PROSIDING MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH MENGIKUT PLATFORM E-MEL, E-REVIEW DAN SIDANG VIDEO**

10. Tatacara pengendalian prosiding yang disebut dalam Arahan Amalan ini mengikut platform yang berkenaan adalah sebagaimana dalam **Lampiran A1** bagi prosiding melalui platform e-mel, **Lampiran A2** bagi prosiding melalui platform e-Review dan **Lampiran A3** bagi prosiding melalui platform sidang video.

#### **ARAHAN BAGI SAKSI UNTUK MEMBERIKAN KETERANGAN MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH**

11. Bagi prosiding yang dijalankan melalui platform sidang video, Mahkamah boleh mengarahkan saksi untuk memberikan keterangan melalui teknologi komunikasi jarak jauh. Bagi maksud ini, Mahkamah boleh menimbangkan antara lain faktor-faktor yang berikut:

- (a) keupayaan saksi untuk memahami bahawa keterangan dibuat melalui teknologi komunikasi jarak jauh;
- (b) keadaan kesihatan saksi;

- (c) keterangan yang diberikan oleh saksi melalui teknologi komunikasi jarak jauh hendaklah seboleh mungkin sama (*shall follow as closely as possible*) sebagaimana aturan biasa bagi keterangan yang diberikan dalam prosiding di Mahkamah terbuka;
- (d) ketersediaan, kualiti teknologi dan kelengkapan yang akan digunakan dengan mengambil kira perkasan, perisian serta kelajuan capaian internet dan keperluan yang bersesuaian di tempat saksi memberikan keterangan;
- (e) sama ada mana-mana pihak akan diprejudiskan sekiranya keterangan diberikan melalui teknologi komunikasi jarak jauh;
- (f) tahap kawalan oleh Mahkamah terhadap saksi yang berada di "*remote location*" adalah terhad berbanding saksi yang hadir secara fizikal di Mahkamah;
- (g) sama ada saksi berada di dalam negara atau di luar negara dan sekiranya saksi berada di luar negara, sebab atau alasan saksi tidak dapat memberikan keterangan di dalam negara;
- (h) hak pihak-pihak untuk perbicaraan yang adil tetap terpelihara walaupun keterangan oleh saksi diberikan melalui teknologi komunikasi jarak jauh; dan
- (i) apa-apa hal keadaan lain yang akan dipertimbangkan oleh Mahkamah.

12. Mahkamah boleh menetapkan tempat untuk saksi memberikan keterangan melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

#### **TATACARA PENGENDALIAN SAKSI YANG MEMBERIKAN KETERANGAN MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH**

13. Tatacara pengendalian saksi yang memberikan keterangan melalui teknologi komunikasi jarak jauh adalah sebagaimana dalam **Lampiran A4**.

#### **PERUNTUKAN PERALIHAN**

14. Tertakluk kepada faktor-faktor yang dinyatakan di perenggan 5, Mahkamah boleh mengarahkan untuk sesuatu prosiding yang telah dijalankan secara fizikal atau melalui teknologi komunikasi jarak jauh sebelum berkuatkuasanya Arahan Amalan ini untuk diteruskan secara fizikal, melalui teknologi komunikasi jarak jauh atau melalui kaedah hibrid.

#### **MAKLUM BALAS DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN**

15. Dalam usaha untuk terus menambah baik akses kepada keadilan dan sistem penyampaian Badan Kehakiman, sebarang maklum balas mengenai pengendalian prosiding yang dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh atau cadangan penambahbaikan berhubung dengan Arahan Amalan ini boleh disalurkan di pautan Borang Maklum Balas Pengguna.

## **TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA**

16. Arahan Amalan ini mula berkuat kuasa pada **8 Januari 2021**.

*KL Mui*  
**TUN TENGKU MAIMUN BINTI TUAN MAT**  
Ketua Hakim Negara  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

### **SALINAN KEPADA:**

YAA Presiden Mahkamah Rayuan  
Mahkamah Persekutuan  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

YAA Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak  
Kuching  
Sarawak

YBhg. Peguam Negara  
Jabatan Peguam Negara Malaysia  
No.45, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100, Putrajaya

Semua YA Hakim Pengurus  
Mahkamah Persekutuan  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

Timbalan Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

Timbalan Kanan Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

Pendaftar  
Mahkamah Rayuan  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak  
Kuching  
Sarawak

Pendaftar  
Mahkamah Rendah Malaya  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

Pendaftar Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak  
Kuching  
Sarawak

Pustakawan  
Mahkamah Persekutuan  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

Yang Dipertua  
Majlis Peguam Malaysia  
Kuala Lumpur

Presiden  
*Sabah Law Society*  
Sabah

Presiden  
*Advocates Association of Sarawak*  
Sarawak

**TATACARA PENGENDALIAN PROSIDING MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH MENGGUNAKAN PLATFORM E-MEL**

1. Kategori kes bagi pengendalian prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh menggunakan platform e-mel adalah seperti yang berikut:
  - (a) kes adalah didaftarkan di lokasi Mahkamah yang tidak menggunakan sistem e-Kehakiman;
  - (b) kes adalah didaftarkan di lokasi Mahkamah yang menggunakan sistem e-Kehakiman;
  - (c) kes adalah didaftarkan di lokasi Mahkamah yang menggunakan sistem e-Kehakiman tetapi sistem e-Review adalah tidak terpakai bagi kod kes prosiding yang berkenaan;
  - (d) mana-mana pihak dalam prosiding adalah diwakili atau tidak diwakili peguam atau bukan pengguna sistem e-Kehakiman;
  - (e) pihak-pihak tidak bersedia dengan peralatan atau teknologi untuk mengendalikan prosiding secara e-Review atau sidang video; atau
  - (f) Mahkamah memutuskan bahawa jenis prosiding adalah sesuai untuk didengar menggunakan platform e-mel tertakluk kepada Arahan Amalan ini.

2. Tatacara pengendalian prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh menggunakan platform e-mel adalah seperti yang berikut:
  - (a) Mahkamah hendaklah menghantar notis kepada pihak-pihak untuk menjalankan prosiding menggunakan platform e-mel. Notis tersebut hendaklah mengandungi antara lain tarikh dan masa prosiding menggunakan platform e-mel akan dijalankan serta apa-apa arahan lain yang berkaitan dan hendaklah dikemukakan kepada pihak-pihak dalam tempoh sekurang-kurangnya satu minggu sebelum tarikh prosiding atau tempoh yang lebih singkat mengikut kesesuaian kes tersebut;
  - (b) pihak-pihak hendaklah mengaku penerimaan notis dalam tempoh tiga hari daripada tarikh penerimaan notis tersebut atau tempoh yang lebih singkat mengikut kesesuaian kes tersebut dan menyatakan butiran e-mel dan nombor telefon bimbit yang tepat;
  - (c) bagi mengelakkan kekeliruan dan memastikan kelancaran prosiding, pihak-pihak hendaklah membalaik e-mel menggunakan aliran (*thread*) e-mel yang pertama yang mengandungi notis yang telah dihantar kepada pihak-pihak oleh Mahkamah dan setiap e-mel hendaklah disalinkan kepada semua pihak;
  - (d) pihak-pihak hendaklah sentiasa mengemas kini alamat e-mel dalam sistem e-filing bagi memastikan alamat e-mel pihak-pihak dalam sistem e-filing dan rekod sebenar adalah tepat

dan notis yang dikeluarkan oleh Mahkamah dapat diterima dengan berkesan;

- (e) sebarang notis yang dikeluarkan oleh Mahkamah pada alamat e-mel pihak-pihak dalam sistem e-filing adalah dianggap sebagai terpakai dan berkesan;
- (f) sekiranya salah satu pihak memulakan prosiding lebih awal atau lewat daripada masa yang telah ditetapkan, ia tidaklah menjadi alasan untuk Mahkamah membatalkan prosiding itu;
- (g) sekiranya Mahkamah bersedia untuk memberi keputusan pada tarikh prosiding yang ditetapkan, keputusan akan terus dimaklumkan kepada pihak-pihak pada tarikh tersebut melalui e-mel;
- (h) bagi tujuan rekod dan penyediaan nota prosiding, semua komunikasi melalui e-mel hendaklah disimpan oleh Mahkamah di dalam satu fail digital dan dimuat naik ke dalam sistem aplikasi Mahkamah; dan
- (i) bagi kes yang difaikan secara manual, semua salinan komunikasi melalui e-mel hendaklah disimpan di dalam fail kes yang berkenaan.

**TATACARA PENGENDALIAN PROSIDING MELALUI TEKNOLOGI  
KOMUNIKASI JARAK JAUH MENGGUNAKAN PLATFORM  
E-REVIEW**

**Pemakaian bagi Mahkamah di Semenanjung Malaysia**

1. Kategori kes bagi pengendalian prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh menggunakan platform e-Review adalah seperti yang berikut:
  - (a) kes adalah didaftarkan di lokasi Mahkamah yang menggunakan sistem e-Kehakiman;
  - (b) pihak-pihak adalah pengguna sistem e-Kehakiman; atau
  - (c) Mahkamah memutuskan bahawa jenis prosiding adalah sesuai untuk dikendalikan menggunakan platform e-Review.
2. Tatacara pengendalian prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh menggunakan platform e-Review bagi Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi Malaya, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret di Semenanjung Malaysia adalah sebagaimana yang diperuntukkan dalam apa-apa Arahan Amalan, arahan atau garis panduan yang dikeluarkan berkenaan perkara ini dari semasa ke semasa.

### **Pemakaian bagi Mahkamah di Sabah dan Sarawak**

3. Tatacara pengendalian prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh menggunakan platform e-Review bagi Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret di Sabah dan Sarawak adalah sebagaimana yang diperuntukkan dalam apa-apa Arahan Amalan, arahan atau garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

**TATACARA PENGENDALIAN PROSIDING MELALUI TEKNOLOGI  
KOMUNIKASI JARAK JAUH MENGGUNAKAN  
PLATFORM SIDANG VIDEO**

1. Kategori kes bagi pengendalian prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh menggunakan platform sidang video adalah tertakluk kepada pertimbangan yang dibuat oleh Mahkamah dengan mengambil kira faktor-faktor yang dinyatakan di perenggan 5 Arahan Amalan ini.
2. Tatacara pengendalian prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh menggunakan platform sidang video adalah seperti yang berikut:
  - (a) Mahkamah hendaklah menghantar notis secara e-mel atau mengikut apa-apa kaedah lain yang bersesuaian kepada pihak-pihak untuk menjalankan prosiding menggunakan platform sidang video. Notis tersebut hendaklah mengandungi tarikh dan masa prosiding melalui platform sidang video akan dijalankan dan hendaklah dikemukakan kepada pihak-pihak dalam tempoh sekurang-kurangnya satu minggu sebelum tarikh prosiding atau tempoh yang lebih singkat mengikut kesesuaian kes tersebut;
  - (b) pihak-pihak hendaklah mengaku penerimaan notis dalam tempoh tiga hari daripada tarikh penerimaan notis tersebut atau tempoh yang lebih singkat mengikut kesesuaian kes

tersebut dan menyatakan butiran e-mel dan nombor telefon bimbit yang tepat;

- (c) bagi mengelakkan kekeliruan dan memastikan kelancaran prosiding, pihak-pihak hendaklah membalas e-mel menggunakan aliran (*thread*) e-mel yang pertama yang mengandungi notis yang telah dihantar kepada pihak-pihak oleh Mahkamah dan setiap e-mel hendaklah disalinkan kepada semua pihak; dan
  - (d) Mahkamah hendaklah membuat penetapan waktu prosiding mengikut masa berperingkat supaya pihak-pihak tidak perlu menunggu lama dalam talian dan pihak-pihak hendaklah mematuhi jadual masa yang telah ditetapkan.
3. Mahkamah hendaklah menetapkan satu tarikh pengurusan kes sebelum tarikh prosiding yang ditetapkan bagi menguruskan persediaan pengendalian prosiding menggunakan platform sidang video yang melibatkan perkara-perkara yang berikut:
- (a) pengurusan dokumen
    - (i) memberikan arahan supaya semua salinan digital dokumen yang akan dirujuk semasa prosiding difaikkan dan diserahkan kepada pihak-pihak sebelum tarikh prosiding;
    - (ii) memberikan arahan mengenai cara yang sesuai untuk pihak-pihak menyusun, menyediakan indeks dan

- membuat rujukan silang mengenai dokumen-dokumen atau bahan-bahan lain yang perlu dirujuk semasa prosiding;
- (iii) tempoh masa pemfailan dokumen;
- (iv) bagi maksud rujukan kepada dokumen dalam penyediaan hujahan bertulis dan juga semasa penghujahan oleh pihak-pihak pada tarikh prosiding dijalankan, ia hendaklah dibuat mengikut aturan yang berikut:
- A. nyatakan nombor kandungan dan nama dokumen;
- B. nyatakan muka surat pada salinan digital format PDF; dan
- C. nyatakan perenggan yang dirujuk.
- (b) pengurusan maklumat pihak-pihak bagi tujuan akses masuk ke platform digital
- (i) mendapatkan butiran lanjut mengenai alamat e-mel, nama pengguna (*I.D.*) bagi platform digital yang akan digunakan dan nombor telefon pihak-pihak yang akan terlibat dalam prosiding berkenaan; dan
- (ii) mendapatkan maklumat dan butiran lanjut sebagaimana di atas mengenai *senior counsel* atau co-

*counsel* atau pihak-pihak lain yang dibenarkan untuk menyertai prosiding;

(c) pengurusan masa

- (i) mendapatkan maklumat mengenai anggaran masa yang akan diambil untuk berhujah. Ini membolehkan Timbalan Pendaftar atau Penolong Kanan Pendaftar mengatur jadual kehadiran pihak-pihak semasa prosiding berlangsung bagi memastikan beberapa prosiding boleh ditetapkan pada hari yang sama; dan

(d) pengendalian saksi

- (i) mendapatkan butiran lanjut mengenai alamat e-mel, nama pengguna (*I.D.*) bagi platform digital yang akan digunakan dan nombor telefon saksi dan jurubahasa (jika perlu), yang akan terlibat dalam prosiding berkenaan; dan
- (ii) mengarahkan pihak-pihak untuk mendapatkan khidmat jurubahasa, sekiranya diperlukan oleh saksi semasa memberikan keterangan.

4. Sebelum prosiding dijalankan menggunakan platform sidang video, pihak-pihak hendaklah melaksanakan perkara-perkara yang berikut:

- (a) menyediakan salinan digital semua dokumen dan bahan-bahan yang akan dirujuk semasa prosiding;
  - (b) memastikan semua hujahan bertulis telah difailkan dan diserahkan mengikut arahan Mahkamah sebelum tarikh prosiding;
  - (c) memuat turun semua dokumen, ikatan dokumen, ikatan teras, ikatan pliding, penyata saksi dan apa-apa dokumen yang berkenaan yang hendak digunakan semasa prosiding daripada sistem pemfailan mahkamah bagi tujuan "share screen" semasa prosiding yang dijalankan melalui platform sidang video; dan
  - (d) memastikan semua perisian yang berkaitan dengan platform digital yang akan digunakan semasa prosiding melalui platform sidang video telah dimuat turun atau dikemas kini dan pihak-pihak telah bersedia dengan akses masuk yang didaftarkan atas nama pihak-pihak yang akan mengendalikan prosiding melalui platform sidang video.
5. Bagi memastikan prosiding berjalan dengan lancar, satu sesi percubaan sidang video akan dijalankan antara Mahkamah dengan pihak-pihak selewat-lewatnya tiga hari sebelum tarikh prosiding melainkan apabila terdapat kesegeraan bagi memudahkan pasukan teknikal untuk menguji kualiti audio dan video serta kecekapan rangkaian masing-masing semasa sesi sidang video tersebut serta membolehkan pihak-pihak membiasakan diri dengan aspek teknikal yang perlu dipatuhi. Bagi maksud sesi percubaan tersebut—

- (a) peguam yang telah diberi notis makluman mengenai sesi percubaan perlu menghadiri sendiri sesi percubaan tersebut dan boleh membawa wakil tambahan semasa sesi percubaan tersebut;
- (b) lokasi sesi percubaan hendaklah dijalankan di lokasi yang sama di mana pihak-pihak akan menjalankan prosiding sebenar;
- (c) sesi percubaan tersebut hanya merujuk kepada persiapan teknikal sahaja dan kehadiran pihak-pihak boleh direkodkan;
- (d) sesi percubaan tidak harus dijadikan sebagai satu ketetapan yang perlu dipatuhi dalam kesemua kes yang ditetapkan untuk dijalankan menggunakan platform sidang video. Dalam hal ini, Mahkamah mempunyai budi bicara untuk menentukan keperluan mengadakan sesi percubaan tersebut; dan
- (e) sekiranya semasa sesi percubaan terdapat masalah teknikal di pihak peguam yang menyebabkan sidang video tidak dapat dijalankan, Mahkamah hendaklah membuat arahan berkaitan kaedah prosiding yang akan dijalankan.

6. Sebelum prosiding bermula—

- (a) pihak-pihak hendaklah bersedia untuk log masuk selewat-lewatnya tiga puluh (30) minit sebelum prosiding dijalankan atau mengikut apa-apa tempoh yang dirasakan sesuai bagi

- tujuan memudahkan pasukan teknikal menguji kualiti audio dan video serta kecekapan rangkaian masing-masing semasa sesi sidang video tersebut dan juga bagi membolehkan pihak-pihak membiasakan diri dengan pengendalian prosiding melalui sidang video;
- (b) pihak-pihak boleh membangkitkan apa-apa isu teknikal atau logistik kepada Mahkamah;
  - (c) pihak-pihak hendaklah memaklumkan Mahkamah mengenai senarai dokumen yang akan dirujuk semasa pemeriksaan saksi dan pihak-pihak hendaklah membuat "*share screen*" bagi memastikan semua salinan digital dokumen yang berkenaan boleh diakses oleh Mahkamah;
  - (d) Mahkamah hendaklah memaklumkan pihak-pihak untuk mematuhi etika kepeguanan serta *decorum* Mahkamah pada setiap masa;
  - (e) Mahkamah hendaklah menyediakan saluran komunikasi yang bersesuaian antara Mahkamah, pihak-pihak dan saksi bagi tujuan menangani masalah teknikal yang mungkin berlaku ketika prosiding berlangsung; dan
  - (f) Mahkamah hendaklah memaklumkan pihak-pihak untuk menghubungi Mahkamah melalui saluran komunikasi tersebut sekiranya wujud apa-apa masalah teknikal sepanjang prosiding dijalankan bagi membolehkan Mahkamah mendapatkan arahan daripada Pengurus Panel atau Hakim.

7. Semasa prosiding dijalankan, pihak-pihak hendaklah memastikan perkara-perkara yang berikut:
- (a) berada di bilik atau ruang kerja yang bebas daripada sebarang gangguan bising dengan pencahayaan yang terang semasa sidang video;
  - (b) bagi mengelakkan gangguan semasa prosiding dijalankan, *microphone* hendaklah sentiasa dalam keadaan senyap (*mute*) kecuali semasa berhujah, mengemukakan bantahan atau apabila menjawab pertanyaan daripada Panel Persidangan atau Hakim sahaja;
  - (c) peguam bagi pihak Perayu/Plaintif/Pemohon memulakan hujahan dengan memperkenalkan diri dan memperkenalkan peguam-peguam pihak lain yang berada dalam sidang video;
  - (d) etika kepeguaman serta *decorum* Mahkamah dipatuhi pada setiap masa;
  - (e) menggunakan panggilan yang sopan dan hormat kepada Mahkamah;
  - (f) tidak membuat apa-apa *body and hand gesture* yang tidak sopan;
  - (g) tidak makan dan minum;
  - (h) berada di sesi sidang video sepanjang masa dan tidak meninggalkan prosiding selagi prosiding belum selesai

melainkan dengan kebenaran Panel Persidangan atau Hakim;

- (i) peguam tidak dibenarkan untuk membuat "share screen" sebarang dokumen yang bukan dimuat turun daripada sistem pemfailan Mahkamah walaupun ia adalah salinan dokumen yang sama, kecuali dengan kebenaran Mahkamah. Ini adalah untuk mengelakkan perbezaan muka surat (*pagination*) yang mengelirukan semasa prosiding;
- (j) tidak menzahirkan butiran mengenai akses platform sidang video kepada pihak yang tidak berkaitan dengan prosiding kecuali dengan kebenaran Mahkamah;
- (k) boleh menzahirkan butiran mengenai akses platform sidang video kepada anak guam bagi membolehkan anak guam untuk turut sama menyaksikan prosiding tersebut. Bagi maksud ini, pihak-pihak hendaklah memaklumkan kepada Mahkamah mengenai perkara ini;
- (l) sekiranya didapati pihak-pihak menzahirkan butiran mengenai akses platform sidang video kepada pihak lain tanpa kebenaran, Mahkamah boleh untuk tidak menerima masuk pihak-pihak tersebut ke dalam platform sidang video tersebut;
- (m) pihak-pihak tidak dibenarkan untuk merekodkan prosiding menggunakan apa-apa juu peranti atau alat sepanjang prosiding berlangsung, dan

- (n) setelah prosiding selesai, semua pihak hendaklah menunggu sehingga Panel Persidangan atau Hakim meninggalkan sidang video (*log out*) sebelum pihak-pihak berbuat demikian.
8. Pihak-pihak boleh memohon untuk dibekalkan dengan rakaman prosiding melalui cara seperti yang berikut:
- (a) membuat permohonan kepada Pengurus Panel Persidangan atau Hakim sebelum prosiding bermula; atau
  - (b) membuat permohonan secara bertulis kepada Mahkamah selepas prosiding selesai.

**TATACARA PENGENDALIAN SAKSI YANG MEMBERIKAN KETERANGAN MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH**

**Tatacara Sebelum Memberikan Keterangan**

1. Tanggungjawab peguam kepada saksi sebelum saksi memberikan keterangan adalah seperti yang berikut:
  - (a) peguam hendaklah memaklumkan kepada saksi bahawa keterangan akan diberikan melalui teknologi komunikasi jarak jauh;
  - (b) peguam hendaklah mengenal pasti keupayaan saksi mengendalikan platform sidang video;
  - (c) sekiranya saksi memerlukan bantuan, peguam hendaklah mengambil langkah-langkah yang perlu agar saksi dapat memberikan keterangan seperti yang dijadualkan dan merujuk kepada Mahkamah bagi apa-apa arahan, sekiranya perlu, bagi maksud tersebut;
  - (d) peguam hendaklah memastikan ketersediaan teknologi dan kemudahan yang disediakan di lokasi saksi memberikan keterangan antaranya mempunyai perisian sidang video, kemudahan teknologi yang berupaya menyediakan capaian internet yang cekap, jelas, stabil dan selamat untuk pengendalian prosiding melalui sidang video;

- (e) peguam hendaklah mengimbas kad pengenalan saksi dan mengemukakannya kepada Mahkamah melalui e-mel sebelum tarikh prosiding yang ditetapkan bagi maksud pengesahan pengenalan diri saksi dan juga bagi maksud akuan sumpah oleh saksi;
- (f) peguam hendaklah mengemukakan penyata saksi kepada Mahkamah melalui e-mel sebelum tarikh prosiding yang ditetapkan bagi membolehkan Mahkamah mengesahkan kandungan penyata saksi sekiranya saksi menggunakan penyata saksi;
- (g) peguam hendaklah membekalkan salinan dokumen atau salinan digital dokumen-dokumen yang akan dirujuk oleh saksi semasa prosiding tersebut;
- (h) peguam hendaklah memastikan dokumen/ ikatan dokumen/ ikatan teras yang dirujuk kepada saksi secara "share screen" termasuk salinan fizikal, jika ada, adalah dalam bentuk yang serupa sepenuhnya dengan salinan yang digunakan oleh semua pihak termasuk kesamaan susunan muka surat (*pagination*);
- (i) peguam tidak dibenarkan untuk membuat "share screen" sebarang dokumen yang bukan dimuat turun daripada sistem pemfailan Mahkamah walaupun ia adalah salinan dokumen yang sama. Ini adalah untuk mengelakkan perbezaan muka surat (*pagination*) yang mengelirukan semasa prosiding;

- (j) peguam hendaklah memastikan kemudahan teknologi dan peralatan yang boleh menunjukkan bahan bukti dan memaparkan dokumen semasa sidang video untuk dilihat secara serentak oleh Mahkamah, peguam dan saksi adalah tersedia semasa prosiding berlangsung;
- (k) peguam hendaklah menyediakan Senarai Dokumen Untuk Bicara (*List of Documents To Be Used During Trial*) yang mengandungi tajuk dokumen dan nombor kandungan dokumen;
- (l) peguam hendaklah memaklumkan Mahkamah sekiranya saksi memerlukan bantuan penterjemahan atau bantuan bahasa isyarat sekiranya saksi tergolong dalam orang kelainan upaya pendengaran, dsb. Bagi maksud ini, kos adalah ditanggung oleh pihak-pihak; dan
- (m) peguam hendaklah memastikan tiada aplikasi atau program lain yang dibuka pada komputer yang digunakan oleh saksi semasa sidang video.

#### Tatacara Semasa Memberikan Keterangan

2. Saksi perlulah memperkenalkan diri dan mengesahkan identiti diri terlebih dahulu melalui langkah-langkah yang berikut:
  - (a) menyebut nama dan nombor pengenalan dirinya; dan

- (b) menunjukkan kad pengenalan dirinya kepada Mahkamah melalui kamera bagi tujuan mengesahkan bahawa saksi adalah pemegang kad pengenalan tersebut dan menunjukkan salinan kad pengenalan tersebut melalui fungsian "share screen".
3. Sekiranya saksi menggunakan penyata saksi—
- (a) penyata saksi tersebut perlu dikemukakan lebih awal kepada Mahkamah bagi membolehkan Hakim mengesahkan kandungan penyata saksi sama ada ia adalah sama sebagaimana yang dibacakan oleh saksi. Hakim akan membuat catatan dalam minit prosiding mengenai perkara tersebut;
  - (b) saksi akan menandatangani penyata saksi yang dibacakan olehnya selepas saksi membuat akuan sumpah. Selepas penyata saksi diterima sebagai keterangan semasa pemeriksaan utama, saksi hendaklah menandatangani penyata saksi tersebut mengikut cara yang boleh dilihat oleh Hakim dan semua pihak yang berkaitan dalam prosiding tersebut dan hendaklah menunjukkan tandatangannya kepada Hakim pada skrin bagi membolehkan Hakim mengesahkan dan berpuas hati bahawa penyata saksi telah ditandatangani oleh saksi tersebut; dan
  - (c) penyata saksi yang telah ditandatangani hendaklah difailkan dalam sistem pemfailan Mahkamah selepas selesai prosiding tersebut.

4. Saksi dibenarkan untuk memberi keterangan perihalan (*description*) kepada sesuatu bahan bukti yang bersifat objek *tangible* (contoh kain, dll) dengan cara memegang, menyentuh objek tersebut atau dengan apa-apa cara lain bagi tujuan menerangkan tekstur permukaan objek, rasa ketebalan, berat, bau, perbezaan warna dan sebagainya sama seperti saksi memberikan keterangan perihalan tersebut di Mahkamah terbuka. Bagi maksud ini, Mahkamah boleh mengarahkan supaya bahan bukti tersebut dihantar ke Mahkamah untuk diteliti oleh Hakim dan untuk disimpan selamat oleh Mahkamah sebagai ekhibit. Mahkamah juga boleh menetapkan suatu tarikh lain untuk pihak-pihak hadir di Mahkamah hanya untuk mengesahkan identiti bahan bukti/ ekhibit tersebut dan bukan untuk tujuan pemeriksaan saksi.
5. Sekiranya sesi pemeriksaan saksi berlangsung untuk suatu tempoh yang panjang, tahap keselesaan, kebaikan dan *fitness* saksi hendaklah sentiasa dipantau dari semasa ke semasa dan saksi bolehlah dibenarkan untuk berehat sebentar atau *intermittent breaks* tanpa meninggalkan sesi rakaman atau menutup fungsian kamera dan mikrofon.
6. Lokasi atau tempat untuk saksi memberikan keterangan melalui teknologi komunikasi jarak jauh hendaklah di lokasi atau tempat yang ditetapkan oleh Mahkamah atau yang dicadangkan oleh pihak-pihak dan dipersetujui oleh Mahkamah.
7. Wakil peguam salah satu pihak boleh ditugaskan sebagai peguam penyelia (*supervising solicitor*) dan berada di lokasi yang sama dengan saksi untuk memerhati dan menyelia proses saksi memberi

keterangan. Bagi maksud ini, tanggungjawab peguam penyelia adalah seperti yang berikut:

- (a) apabila prosiding bermula—
    - (i) peguam penyelia hendaklah memperkenalkan dirinya dan membuat pengesahan untuk menyelia saksi sepanjang prosiding dijalankan;
    - (ii) peguam penyelia hendaklah mengesahkan bahawa saksi tidak memiliki apa-apa dokumen atau bahan yang boleh memprejudiskan perbicaraan adil bagi kes tersebut; dan
    - (iii) peguam penyelia hendaklah mengesahkan bahawa saksi tidak membuat atau menerima apa-apa komunikasi daripada mana-mana orang sehinggalah saksi itu dilepaskan; dan
  - (b) peguam penyelia hendaklah memaklumkan Mahkamah dengan segera melalui saluran telekomunikasi yang disediakan bahawa peguam penyelia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa saksi telah dipengaruhi atau telah diganggu dalam apa-apa juga cara sekalipun.
8. Semasa saksi memberikan keterangan di lokasi atau tempat yang ditetapkan, saksi dan peguamnya hendaklah berada di bilik yang berasingan dan menggunakan *separate device*.
9. Lokasi atau tempat untuk saksi memberikan keterangan mempunyai kemudahan atau peralatan yang membolehkan Mahkamah dan

pihak-pihak mempunyai pandangan penuh terhadap kedudukan saksi dan keadaan di sekelilingnya pada sepanjang masa ketika saksi memberikan keterangan. Bagi maksud ini, peguam penyelia akan membantu untuk membuat "360° room or desk scan" bagi memastikan kedudukan saksi dan keadaan di sekelilingnya adalah bebas daripada apa-apa dokumen, bahan, peranti atau mana-mana orang yang tidak dibenarkan.

10. Kedudukan kamera mestilah berada di posisi yang membolehkan muka, badan dan tangan saksi boleh dilihat dengan jelas.
11. Saksi hendaklah sentiasa memastikan kamera dan mikrofon dalam "switch-on mode" melainkan jika Hakim mengarahkan sebaliknya.
12. Saksi tidak dibenarkan untuk berkomunikasi dengan mana-mana orang lain semasa memberikan keterangan. Walau bagaimanapun, saksi adalah dibenarkan untuk berkomunikasi dengan peguam atau orang lain semasa waktu rehat atau sebelum bermulanya pemeriksaan balas dengan syarat apa-apa komunikasi adalah selaras dengan obligasi professional peguam dan undang-undang yang terpakai.
13. Dokumen boleh ditunjukkan kepada saksi menggunakan fungsi *screen sharing*. Mahkamah mempunyai budi bicara untuk menentukan bentuk dokumen yang akan dikemukakan kepada saksi melalui *screen sharing* atau kaedah elektronik yang lain.
14. Semasa pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula, saksi mestilah boleh melihat peguam yang bertanya soalan dan orang lain yang membuat apa-apa pernyataan.

15. Semasa memberikan keterangan dan saksi memohon kepada Mahkamah untuk membetulkan jawapannya, Mahkamah hendaklah mengehadkan masa untuk saksi berbuat demikian.
16. Sekiranya peguam membantah soalan yang ditanya kepada saksi, peguam tersebut hendaklah menyatakan bantahan itu dengan mengangkat tangan dan menunggu kebenaran Mahkamah sebelum menyatakan secara lisan bantahan itu. Sekiranya berlakunya gangguan kepada rangkaian internet dan menghalang peguam daripada membuat bantahan terhadap soalan yang ditanya kepada saksi sebelum saksi menjawab soalan tersebut, peguam hendaklah membuat bantahan dengan seberapa segera yang mungkin selepas gangguan itu tamat.
17. Latar belakang "virtual", "filter" atau apa-apa ubahsuaian kepada imej video tidak boleh digunakan oleh saksi semasa memberikan keterangan melalui sidang video.
18. Penggunaan perisian "voice modulation" adalah dilarang sama sekali bagi mengelakkan penipuan atau pertukaran identiti saksi.
19. Pada setiap masa dan semasa prosiding melalui sidang video berlangsung, saksi hendaklah mematuhi semua arahan Mahkamah.

#### **Saksi Berada Di Luar Negara Dan Memberi Keterangan Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh**

20. Sekiranya saksi berada di luar negara dan berhasrat untuk memberikan keterangan melalui teknologi komunikasi jarak jauh,

permohonan hendaklah dibuat oleh peguam kepada Mahkamah dalam tempoh yang munasabah sebelum bermulanya prosiding.

21. Mahkamah dalam menimbangkan permohonan ini boleh mengambil kira faktor-faktor seperti di perenggan 11 Arahan Amalan ini.

#### **Pembatalan Pengambilan Keterangan Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh**

22. Mahkamah boleh membatalkan sesi pengambilan keterangan melalui teknologi komunikasi jarak jauh jika—

- (a) terdapat gangguan teknikal sepanjang saksi memberikan keterangan melalui teknologi komunikasi jarak jauh antaranya sekiranya berlakunya "*lagging*" yang menyebabkan berlakunya "*speak over*" suara saksi;
- (b) saksi didapati cuba menyalahgunakan proses Mahkamah atau menipu Mahkamah dengan menjadikan alasan gangguan teknikal atau sengaja memutuskan talian bagi membolehkannya diberikan lebih masa untuk menjawab soalan atau memberi keterangan; atau
- (c) hal keadaan mewajarkan dan adalah perlu demi kepentingan pelaksanaan keadilan atau bagi sebab lain.